

## ABSTRAK

### PENTAFSIRAN AYAT-AYAT *MAWĀRĪTH* MENURUT H. MUNAWIR SJADZALI.

Disertasi ini mengkaji H. Munawir Sjadzali dan pemahamannya berkaitan ayat-ayat *Mawārīth* khususnya mengenai ayat 11 surah al-Nisā'. Pentafsiran beliau berkenaan ayat 11 surah al-Nisā' adalah merupakan hasil tulisan beliau sendiri yang dikarang dalam bentuk artikel. Artikel tersebut bertajuk "Reaktualisasi Ajaran Islam" telah dimuatkan di dalam beberapa buah buku seperti "Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam" yang disunting oleh Drs. Iqbal Abdurrauf Saimima, "Kontekstualisasi Ajaran Islam 70 Tahun Prof. Dr. H. Munawir Sjadzali. MA" oleh Tim Editor Muhamad Wahyuni Nafis serta buku yang berjudul "Islam: Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa" oleh H. Munawir Sjadzali dan sebagainya. Terdapat beberapa objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini iaitu mengenai ketokohan H. Munawir Sjadzali di Indonesia serta pengaruh, pemahaman dan pentafsirannya akan ayat-ayat *mawārīth* khususnya ayat 11 surah al-Nisā'. Selain itu, dibuat juga perbandingan metode pentafsiran yang diguna pakai oleh beliau dengan para mufasir sebelumnya dan ulasan serta tanggapan akan permasalahan yang berlaku. Untuk tujuan itu, kajian ini dibahagikan kepada lima bab iaitu bab pertama merupakan bab pendahuluan yang berfungsi sebagai kata penghantar terhadap kajian ini. Bab kedua pula, menjelaskan tentang hukum Mawarith manakala bab ketiga menyentuh tentang latar belakang dan biografi tokoh H. Munawir Sjadzali serta pengaruhnya di Indonesia. Bab keempat mengungkapkan tentang pentafsiran H. Munawir Sjadzali berkenaan ayat 11 surah al-Nisā' serta analisis hujah- hujah beliau dan bab kelima pula merupakan bab penutup. Kajian ini telah berjaya menghasilkan dapatan mengenai ketokohan H. Munawir Sjadzali yang merupakan seorang cendekiawan dan pemikir Muslim yang mempunyai minat yang mendalam terhadap bidang tafsir serta merupakan seorang yang berpengaruh dalam perkembangan agama Islam di Indonesia. Penulis mendapati bahawa pentafsiran H. Munawir Sjadzali mengenai ayat 11 surah al-Nisā' lebih ditujukan kepada roh dan semangat ajaran Islam yang terkandung di dalam Quran dan bukan kepada teks harfiah Quran semata-mata. Beliau lebih tertumpu kepada keterbukaan mengungkapkan pendapat secara objektif yang bertentangan dengan pendapat para ulama sebelumnya. Akhirnya, dalam kajian ini penulis mendapati beliau tergolong di kalangan mereka yang berfikiran secara liberal.

## ABSTRACT

### H.MUNAWIR SJADZALI'S INTERPRETATION ON INHERITANCE

#### (*MAWĀRĪTH*) VERSES

This research is aimed at studying H.Munawir Sjadzali's concept of his interpretation on inheritance (*Mawārīth*) verses, especially verse 11 of surah al-Nisā' which was compiled in his article entitled: "*Reaktualisasi Ajaran Islam*" (towards re-actualization of Islamic Teachings). The article was published in a few books for examples , in the book edited by Drs. Iqbal Abdurrauf Saimima entitled: "*Polemik Reaktualisasi Ajaran Islam*" (Polemic on the re-actualization of Islamic Teachings), "Kontekstualisasi Ajaran Islam 70 Tahun Prof. Dr. H. Munawir Sjadzali. MA" (Contextualisation of Islamic Teachings, 70 years Prof. Dr. H. Munawir Sjadzali MA) by Team Editor Muhamad Wahyuni Nafis and the others, and "Islam: Realitas Baru Dan Orientasi Masa Depan Bangsa" (Islam: The New Reality and Orientation of the future of the nation) by H. Munawir Sjadzali. There are few objectives to be achieved from this study. Among others, H.Munawir Sjadzali's prominence in Indonesia and his influence, his understanding and interpretation of the '*Mawārīth*' verses, in particular, verse 11 of surah Al-Nisā', the method used in his interpretations compared to the previous Qur'anic interpreters (Mufasir), and his commentaries and views towards the issues in question. For that purpose, this research is divided into five chapters. The first chapter is the preface which includes introduction to the study, the second chapter explains the laws of inheritance, the third chapter introduces the profile and biography of H.Munawir Sjadzali and his influence in Indonesia, the fourth chapter reveals his methodology of interpretation on verse 11 surah Al-Nisā' and the analysis on his points, and the fifth chapter is the conclusion. The study has achieved several findings on H.Munawir Sjadzali's prominence as a thinker and Muslim intellect who has great interest in the field of Qur'anic interpretation and great influence in the development of Islam in Indonesia. The researcher finds that H.Munawir Sjadzali's interpretation on verse 11 of surah Al-Nisā' focused more on the spirit of Islamic teachings of the Qur'an rather than the textual parts of the Qur'an. He also focused more on freedom in expressing the ideas objectively although this may be contradictory to the ideas of the previous scholars. Lastly, through this study, the researcher is of the opinion that H.Munawir Sjadzali is considered among those utilized the concept of liberal thought.

## **DEDIKASI**

Dengan sukacitanya saya tujukan risalah ini istimewa buat:

1. Ibunda dan ayahanda tersayang, Puan Zainani dan Encik Sutan Saidi yang telah banyak berkorban dan mendorong serta sentiasa mendoakan anakanda sehingga berjaya menyiapkan disertasi ini.
2. Buat isteri tercinta dan yang disayangi, Suhaila, yang sentiasa bersabar, berdoa dan mendukung setiap langkah suamimu sehingga selesainya disertasi ini. Juga tidak dilupakan kepada kedua-dua puteri kami iaitu Al Amirah Sofia serta Alya Shadiyah, di mana dengan menatap wajah kalian yang cantik, manis dan manja telah membuatkan ayahanda lebih bersemangat untuk menyelesaikan disertasi ini.
3. Adik-beradik kandung yang lain, khususnya buat abang Buyung dan kak Umi yang tanpa rasa jemu terus memastikan agar langkah adikmu ini tidak terputus di tengah jalan. Semoga risalah ini menjadi amal kebajikan yang akan kalian dapati kelak di akhirat nanti.

Amin

**Ali Akbar**

## PENGHARGAAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَا بَعْدُ

Alhamdulillah segala pujian bagi Allah SWT yang Maha Adil terhadap makhluknya, dengan rahmat dan taufik hidayahNya, dapat penulis mempelajari, mengkaji serta menyiapkan disertasi yang bermanfaat ini buat pembaca sekalian, Insya-Allah. Disertasi yang telah berjaya penulis selesaikan ini bertajuk “Pentafsiran ayat-ayat *Mawāriṭh* menurut H. Munawir Sjadzali” yang merupakan perkembangan isu semasa yang berkaitan dalam bidang Tafsir.

Selawat dan salam penulis ucapkan buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, ahli keluarga, para sahabat serta sesiapa sahaja yang mengikuti jejak langkah baginda dengan penuh kesabaran dan keikhlasan.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia yang dihormati yakni Prof. Madya. Dr. Abdul Rasyid Ahmad yang telah banyak memberikan tunjuk ajar serta membimbing penulis dalam menulis disertasi ini. Rasa hormat dan penghargaan semakin tinggi penulis rakamkan di atas keterbukaan dan kelapangan hati beliau dengan meluangkan masa bagi membimbing tulisan ini baik di universiti, rumah mahupun ketika menjalani perubatan mencuci darah di Pusat Perubatan Universiti Malaya. Penulis amat berterima kasih di atas tunjuk ajar dan keikhlasan beliau selama ini. Semoga segala sumbangan ikhlas beliau menjadi amal jariah di akhirat kelak. Amin

Penghargaan yang begitu besar tidak dapat penulis ungkapkan di sini iaitu buat Allahyarham ibunda yang tersayang, Zainani, di mana ketika saat-saat akhir hayatnya di Rumah Sakit Permata Bunda di Medan masih lagi terus memberikan sokongan, semangat dan pesanan terakhir agar penulis dapat menghabiskan pembelajaran di perantauan dengan cemerlang. Begitu juga buat ayahanda yang tersayang, Sutan Saidi, yang telah banyak berkorban, bersabar dan terus berdoa sehingga penulis dapat menyelesaikan disertasi ini. Selain itu, tidak dilupakan juga kepada isteri kedua ayahanda iaitu Puan Nurdini yang turut memberikan sokongan kepada penulis.

Penghargaan yang tidak terhingga juga diberikan kepada isteri tercinta, Suhaila, yang banyak bersabar dalam mendampingi hidup penulis sehinggalah disertasi ini dapat disiapkan. Begitu juga dengan kedua-dua buah hati kami iaitu Al Amirah Sofia dan Alya Shadiyah. Disebabkan tingkah laku kalian yang manja, cerdas dan lincah telah berjaya menghiburkan hati penulis sekaligus memberikan lagi semangat bagi menyiapkan disertasi ini.

Selain itu, penghargaan yang tidak terhingga penulis ucapkan kepada para pensyarah dan guru-guru yang banyak membimbing dan memberikan ilmu yang bermanfaat buat penulis sehingga penulis mampu sampai ke tahap ini.

Penulis juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada adik-beradik yang dikasihi iaitu Mulyarni, Hildayati, Zainal Arifin, Irmaumi dan adinda Budiman serta sekeluarga yang tanpa rasa jemu memberikan sokongan dan kerjasama buat penulis selama ini.

Ucapan terima kasih juga penulis ucapkan kepada bapa mertua iaitu Encik Abd Aziz serta ibu mertua, Puan Umi Kelesom dan adik-beradik ipar lain yang turut memberikan dorongan kepada penulis bagi menyiapkan disertasi ini.

Akhir sekali, tidak dilupakan kepada rakan-rakan yang banyak membantu yakni Usman Muhid MA, Bunyamin MA, Paturohman Asrori MA, Fazli Bahari dan sebagainya yang telah banyak membantu serta memberikan sokongan buat penulis selama ini.

Akhir kata, jutaan terima kasih penulis ucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menghasilkan disertasi ini. Semoga segala sumbangan, bantuan, motivasi, bimbingan serta doa yang diberikan menjadi amal jariah dan mendapat balasan yang berlipat ganda dari Allah SWT. Amin.

**Ali Akbar**

**Alamat: Jln. Laksana Gg. T. Yunan No. 21**

**Medan- Sumatera Utara- Indonesia**

**Telp: (0062-61) 7347165**

**Jabatan Al- Quran dan Al- Hadith**

**Akademi Pengajian Islam**

**Universiti Malaya**

**Kuala Lumpur**



## DAFTAR ISI

<b>ABSTRAK</b>	<b>I</b>
<b>ABSTRACT</b>	<b>II</b>
Dedikasi	<b>III</b>
Penghargaan	<b>IV</b>
Daftar Isi	<b>VII</b>
Akronim	<b>X</b>
Panduan Transliterasi	<b>XII</b>

## BAB I PENDAHULUAN

1.1. Pengenalan	<b>1</b>
1.2. Latar Belakang Kajian	<b>1</b>
1.3. Masalah dan Skop Kajian	<b>7</b>
1.4. Objektif Kajian	<b>8</b>
1.5. Kepentingan Kajian	<b>8</b>
1.6. Metodologi Kajian	<b>9</b>
1.6.1. Metode Penentuan Subjek	<b>9</b>
1.6.2. Metode Pengumpulan Data	<b>10</b>
1.6.3. Metode Analisis Data	<b>11</b>
a. Metode Induktif	<b>11</b>
b. Metode Deduktif	<b>12</b>
c. Metode Komparatif	<b>12</b>
1.7. Ulasan Terhadap Kajian Terdahulu	<b>13</b>
1.8. Sistematika Penulisan	<b>16</b>



**BAB II**  
**Pengenalan Hukum *Mawārīth***

2.1. Pendahuluan	<b>18</b>
2.2 Definisi <i>Mawārīth</i>	<b>20</b>
2.3. Asal Usul dan Hikmat Pewaris	<b>21</b>
2.4. Ketentuan Allah SWT Dalam Ayat 11 Surah al-Nisā' Dalam Pandangan Mufasirin	<b>27</b>
2.5. Ayat 11 Surah al-Nisā' Pada Pendapat Fukaha	<b>33</b>

**BAB III**  
**Pengenalan Tokoh H. Munawir Sjadzali**

3.1.BIOGRAFI H. MUNAWIR SJADZALI	<b>35</b>
3.1.1. Kelahiran dan Wafat	<b>35</b>
3.1.2. Pendidikan	<b>36</b>
3.1.3. Karier dan Jawatan	<b>41</b>
3.1.4. Karya-Karya	<b>42</b>
3.1.5. Pemikiran dan Pengaruhnya di Indonesia	<b>44</b>
1. Asas Tunggal Pancasila	<b>45</b>
2. Pengemaskinian IAIN (Institut Agama Islam Negeri)	<b>48</b>
3. Pengemaskinian Pengadilan Agama	<b>55</b>
3.2. H. MUNAWIR PADA PANDANGAN KELUARGA DAN SAHABAT	<b>59</b>
3.2.1. Pada Pandangan Keluarga	<b>60</b>
3.2.2. Pada Pandangan Sahabat	<b>62</b>

**BAB IV**  
**PENTAFSIRAN H. MUNAWIR SJADZALI AKAN AYAT 11 SURAH AL-NISĀ'**

4.1.Pendahuluan	<b>70</b>
4.2.Pendapat H. Munawir Sjadzali Serta Tanggapan Pro Dan Kontra	<b>71</b>
4.3.Percanggahan Hujah-Hujah H. Munawir Sjadzali Dengan Pendapat Para Ulama	<b>84</b>
4.3.1. Naskh	<b>84</b>
4.3.2. Perhambaan	<b>95</b>
4.3.3. Ijtihad Ummar	<b>110</b>
4.4.Pendapat H. Munawir Sjadzali Dan Percanggahannya Dengan Kaedah Usul Fikah Serta Ijmak Ulama	<b>121</b>
4.4.1. Menyalahi Kaedah Usul Fikah	<b>122</b>
4.4.2. Menyalahi ijmak Ulama	<b>128</b>

**BAB V**  
**KESIMPULAN**

5.1. Kesimpulan	<b>130</b>
5.2. Cadangan	<b>136</b>
Bibliografi	<b>139</b>
Lampiran I	<b>143</b>
Lampiran II	<b>144</b>

## AKRONIM

AS	:Amerika Syarikat
Deplu	: Departemen Luar Negeri
DPR	: Dewan Perwakilan Rakyat
Dr	: Doktor
Ed	: Editor
Hb	: Hari Bulan
Hj	: Haji
HPIIS	:Himpunan Peminat Ilmu-ilmu Syariah
IAIN	: Institut Agama Islam Negeri
KH	: Kyai Haji
KOMNAS HAM	: Komisi Nasional Hak Asasi Manusia
KUHP	: Kitab Undang- Undang Hukum Pidana
LIPI	: Lembaga Ilmu Pengetahuan Indonesia
MA	: Master of Arts
MAN	:Madrasah Aliyah Negeri
MAPK	: Madrasah Aliyah Program Khusus
MPHS	:Markas Pimpinan Pertempuran Hizbullah Sabil-il-lah
MPR	:Majelis Permusyawaratan Rakyat
MUI	: Majelis Ulama Indonesia
NU	:Nahdlatul Ulama
Prof	: Profesor
RI	: Republik Indonesia

RUU	:Rancangan Undang-Undang
SAW	: Şalla Allah ‘Alayhi Wasallam
SD	: Sekolah Dasar
Sekjen	: Sekretaris Jenderal
SH	: Sarjana Hukum
SDM	: Sumber Daya Manusia
SKB	: Surat Keputusan Bersama
SMTA	: Sekolah Menengah Tingkat Atas
SMTP	: Sekolah Menengah Tingkat Pertama
SWT	: Subhanahu wa Ta’ala
Tt	: Tanpa Tarikh
UU	: Undang- Undang

## PANDUAN TRANSLITERASI

- Konsonan

Huruf Arab	Transliterasi
ء, ا	a, ' (Hamzah)
ب	B
ت	T
ث	Th
ج	J
ح	Ḥ
خ	Kh
د	D
ذ	Dh
ر	R
ز	Z
س	S
ش	Sh
ص	Ṣ
ض	Ḍ
ط	Ṭ
ظ	Ẓ
ع	‘
غ	Gh
ف	F
ق	Q
ك	K
ل	L
م	M
ن	N
هـ	H
و	W
ي	Y
ة	H

- **Vokal**

<b>Vokal Pendek</b>	<b>Transliterasi</b>
اَ	A
اِ	I
اُ	U

<b>Vokal Panjang</b>	<b>Transliterasi</b>
آ / اِى	Ā
يِ	Ī
وِ	Ū

- **Diftong**

<b>Diftong</b>	<b>Transliterasi</b>
اُوْ	Aw
اِىِ	Ay
اُوِ	Uww
اِىِ	iy/ i